

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini usaha memansuhkan hukuman mati mandatori dan sama ada Kerajaan baru akan meneruskan usaha ini.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI]**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 29 Ogos 2019 telah bersetuju agar suatu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk melaksanakan Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Keputusan ini dibuat susulan keputusan-keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang terdahulu yang mendapati terdapat keperluan supaya kajian yang lebih mendalam dibuat terhadap keputusan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori.

Jawatankuasa Khas tersebut terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang perundangan seperti bekas Ketua Hakim Negara, bekas Hakim Besar Malaya, bekas Peguam Cara Negara, pengamal undang-undang, pensyarah undang-undang daripada Institusi Pengajian Awam terkemuka dan pakar kajian jenayah (*criminologist*). Jawatankuasa Khas telah selesai melaksanakan kajian berkaitan polisi penghukuman (*sentencing policy*) bagi menggantikan hukuman mandatori dengan

NO. SOALAN : 18

hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah dalam tempoh 4 bulan bermula 20 September 2019 hingga 31 Januari 2020.

Secara umumnya, Laporan Akhir Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori mengandungi syor-syor hukuman gantian terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori, kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dan 21 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara Mahkamah. Selain itu, Jawatankuasa Khas turut mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada sistem keadilan di Malaysia untuk jangka masa panjang.

Dapatan kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori diperolehi melalui pelbagai metodologi kajian serta mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada semua pihak berkepentingan. Justeru, laporan akhir yang komprehensif ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan.

Sekian, terima kasih.